

HARGA DOKUMEN  
RM 159.00

SULIT DAN PERSENDIRIAN



**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**

**DOKUMEN SEBUTHARGA**

UNTUK

**KERJA-KERJA CANTASAN DAN PEMOTONGAN POKOK DI JALAN KIAMBANG  
12, TAMAN GEMBIRA DAN JALAN BUNGA PEKAN 2, JALAN BUNGA PEKAN 6,  
TAMAN SERI BANTING, KUALA LANGAT**

**NO. SEBUTHARGA : MDKL/JL/SH.1/2017**

- i. Pendaftaran : GRED : G1  
KATEGORI : CE  
PENGKHUSUSAN : CE14  
PKK (Bumiputera) & UPEN
- ii. Tarikh Iklan : 19 April 2017
- iii. Tarikh Jual Dokumen : 25 April 2017
- iv. Tarikh Tutup S/harga : 02 Mei 2017
- v. Tempoh Kontrak : 4 Minggu
- vi. Penyata Bank : Januari 2017, Februari 2017, Mac 2017

Nama Kontraktor : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
No. Resit : \_\_\_\_\_

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT  
PERSIARAN MAJLIS, JALAN SULTAN ALAM SHAH,  
42700 BANTING, SELANGOR DARUL EHSAN

## SENARAI SEMAKAN (KERJA)

Sila tandakan  Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Borang Maklumat Penyebut Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Pendaftaran dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri UPEN	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Senarai Kakitangan Teknikal (ABORIST CERTIFIED)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Borang Sebutharga/Tender telah ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Borang Maklumat Penyebutharga / Penyebutharga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Surat Akuan Pembida (Lampiran A) Telah Diisi Dengan Lengkap Dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10	Lain-lain Sekiranya Ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

### PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar

TANDATANGAN:  
COP SYARIKAT:  
NAMA:  
JAWATAN:  
TARIKH:

### UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .... (jika ada)

TANDATANGAN:  
NAMA:  
JAWATAN:  
TARIKH:

TANDATANGAN:  
NAMA:  
JAWATAN:  
TARIKH:



**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**

**NO. SEBUTHARGA : MDKL/JL/SH.1/2017**

**KERJA-KERJA CANTASAN DAN PEMOTONGAN POKOK DI JALAN KIAMBANG 12, TAMAN GEMBIRA DAN JALAN BUNGA PEKAN 2, JALAN BUNGA PEKAN 6, TAMAN SERI BANTING, KUALA LANGAT**

<b><u>Bil</u></b>	<b><u>ISI KANDUNGAN</u></b>	<b><u>M/S</u></b>
1.	<b>NOTIS SEBUTHARGA</b>	1
2.	<b>SURAT AKUAN PEMBIDA</b>	2 - 3
3.	<b>ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA</b>	4 - 5
4.	<b>SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA</b>	6 -10
5.	<b>BORANG SEBUTHARGA</b>	11-12
6.	<b>BORANG MAKLUMAT PENYEBUT HARGA</b>	
6.1.	BORANG A : SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN PEGESAHAN	A/1
6.2	BORANG B : MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PENYEBUTHARGA	B/1-B/2
6.3.	BORANG C : DATA-DATA KEWANGAN	C/1
6.4.	BORANG CA : LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUTHARGA	CA1
6.5.	BORANG D : REKOD PENGALAMAN PEMBEKAL	D/1
6.6.	BORANG E : KAKITANGAN TEKNIKAL	E/1
6.7.	BORANG F : KEEMPUNYAAN LOJI DAN PERALATAN PEMBINAAN UTAMA	F/1
6.8.	SENARAI JENTERA/PERALATAN	J/P
6.9.	BORANG G : SENARAI KERJA PEMBEKAL SEMASA	G1
6.10.	BORANG GA : LAPORAN PENYELIA PROJEK ATAS PRESTASI KERJA (BUKAN PROJEK JABATAN) SEMASA PENYEBUTHARGA	GA/1
7.	<b>BILL OF QUANTITIES</b>	No.1/6 - 6/6
8.	<b>SPESIFIKASI</b>	13 - 25
9.	<b>PELAN KAWASAN PENYELENGGARAAN</b>	26 - 27

**NOTIS SEBUTHARGA**

## NOTIS SEBUTHARGA

### KERJA-KERJA CANTASAN DAN PEMOTONGAN POKOK DI JALAN KIAMBANG 12, TAMAN GEMBIRA DAN JALAN BUNGA PEKAN 2, JALAN BUNGA PEKAN 6, TAMAN SERI BANTING, KUALA LANGAT

1. Tawaran adalah di pelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di dalam

#### GRED G1

#### Kategori CE Pengkhususan CE14& PKK (Bumiputra)

#### DAN

#### Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

2. No Tawaran: MDKL/JL/SH.1/2017  
Naskah Dokumen Meja tawaran akan dipamerkan mulai 25.4.2017  
Hingga 2.5.2017 semasa waktu pejabat seperti berikut.


Isnin hingga Jumaat	8.30 pagi 2.30 petang	-12.30 tghhari - 4.30 petang
---------------------	--------------------------	---------------------------------

3. Di Unit Perolehan Tingkat 1, Majlis Daerah Kuala Langat  
Dokumen Tawaran akan dikeluarkan kepada wakil-wakil pemborong yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil pemborong hendaklah membawa surat ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).
4. Tawaran ini akan di tutup pada **2.5.2017**

Tawaran yang telah lengkap di isi hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran di :

Tingkat 1, Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Daerah Kuala Langat  
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah,  
42700 Banting, Selangor Darul Ehsan

5. Borang tersebut hendaklah sampai tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh tawaran di tutup. Tawaran yang lewat diterima dari masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

  
MAZLAN BIN ABDUL MANAP  
Bengarah  
Jabatan Landskap  
b.p Yang Di Pertua  
Majlis Daerah Kuala Langat

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

LAMPIRAN A  
(SAP bertarikh 1 April 2010)

## SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

( MDKL/JL/SH.1/2017 )

### KERJA-KERJA CANTASAN DAN PEMOTONGAN POKOK DI JALAN KIAMBANG 12, TAMAN GEMBIRA DAN JALAN BUNGA PEKAN 2, JALAN BUNGA PEKAN 6, TAMAN SERI BANTING, KUALA LANGAT

Saya..... nombor K.P. ....yang mewakili  
..... nombor Pendaftaran .....  
(~~MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB~~) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam ~~tender~~/ sebut harga\* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam ~~tender~~ / sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi ~~tender~~ / sebut harga\* di atas atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi ~~tender~~/ sebut harga\* di atas dan
- 2.3 lain-lain tindakan tata tertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam ~~tender~~/ sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
Nama :  
No. KP :

Cop Syarikat :

Catatan \* potong mana yang tidak berkenaan.

Kementerian Kewangan Malaysia

### **KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN**

#### **“ Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities ”**

- a) Without prejudice to any other rights of the Government, if the (Company / Firm), its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this (Agreement / Contract) at any time, by giving immediate written notice to that effect to the (Company / Firm).
- b) Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses )including any incidental costs and expenses) incurred by the Government arising from such termination.
- c) For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the (Company / Firm) shall not be entitle to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this (Agreement / Contract)



**ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

## ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

### 1. HAK MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA

Majlis Daerah Kuala Langat adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamat.

### 2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA

#### 2.1 Penyediaan Sebutharga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

- a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebutharga,
- b) Harga, Tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebutharga,
- c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- d) Borang Akuan Pembida,
- e) Butir-butir Spesifikasi,
- f) Jadual Kadar Harga (jika ada)
- g) Salinan sijil arboris dan geran kenderaan,
- h) Mempunyai jentera seperti dalam syarat.

#### 2.2. Kontraktor dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama Sebutharganya ( Kelas G1 sahaja ) :

- a) Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai Wang Dalam Tangan  
Penyebut Harga bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Sebutharga (wajib disertakan bagi Sebutharga melebihi RM200,000) atau,
- b) Laporan bank/institusi kewangan mengenai kedudukan kewangan Penyebut Harga atas format seperti BORANG CA dalam satu sampul berlakri (jika ada)

#### 2.3. Penyerahan Dokumen Sebutharga

- a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebutharga.
- b) Jika dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Pentender hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos laju supaya tiba pada atau sebelum masa dan ditempat yang ditetapkan.
- c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, terbangkit dan sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

## 2.4. Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi pejabat Majlis Daerah Kuala Langat untuk penjelasan lanjut.

## 3. TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak ini adalah selama (6 ) minggu.

## 4. BAYARAN DOKUMEN SEBUTHARGA

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga **RM 159.00** ( Ringgit Malaysia : Satu Ratus Lima Puluh Sembilan Sahaja ).

## 5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebutharga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

## 6. TEMPOH SAH SEBUTHARGA

Sebutharga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup Sebutharga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik Sebutharganya sebelum tamat tempoh sah Sebutharga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebutharga menarik balik Sebutharganya sebelum tamat tempoh sah Sebutharga.

## 7. PERBUATAN RASUAH

Sebarang tawaran yang berbentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang boleh mempengaruhi kedudukan penyebutharga akan menyebabkan Sebutharga tersebut ditolak serta merta.

*( Sila Rujuk Arahan Tambahan Seperti di lampiran A dan Lampiran A1 )*

## 8. KEHADIRAN TAKLIMAT

Taklimat akan dijalankan mengikut tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan. Taklimat diwajibkan, dokumen sebutharga hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja.

**SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA**

## SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK KERJA

### 1. PEMERIKSAAN TAPAKBINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti Tapakbina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapakbina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebutbarganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

### 2. INSURANS DAN BON PELAKSANAAN

#### 2.1 Insurans

2.1.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja bagi tempoh pelaksanaan kerja ini.

2.1.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan.

2.1.3 Kontraktor dikehendaki mengambil perlindungan insurans bagi klausa diatas daripada :-

PNSB INSURANCE BROKERS SDN BHD

No. Telefon : 03-55193271

No. Faksimili : 03-55193280

Laman Web : [www.pnsbinsbroker.com.my](http://www.pnsbinsbroker.com.my)

#### 2.2 BON PELAKSANAAN

2.2.1 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengemukakan bon pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank, dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh Surat Setuju Terima Tender dikeluarkan. Bagi kontrak yang tidak melebihi RM500,000.00, penyebut harga yang berjaya dikehendaki memberi cagaran deposit dengan kadar dua setengah peratus (2.5%) daripada jumlah kontrak atau lima peratus (5%) sekiranya nilai kontrak melebihi RM500,000.00.

2.2.2 Bon pelaksanaan ini hendaklah dalam bentuk jaminan daripada bank berdaftar di Malaysia yang diluluskan. Bagi kontrak yang bernilai tidak

melebihi RM500,000.00 jaminan insurans daripada syarikat-syarikat insurans yang berdaftar di Malaysia yang diluluskan boleh diterima selain daripada jaminan bank.

- 2.2.3 Bon pelaksanaan ini hendaklah sah laku tidak kurang daripada satu (1) tahun daripada tarikh pengeluaran sijil *Final Acceptance Test* (FAT).
- 2.2.4 Penyebut harga yang berjaya dan telah mengikat kontrak dengan Kerajaan dikehendaki membayar tuntutan ganti rugi sekiranya didapati pihak penyebut harga melanggar syarat-syarat kontrak (*breach of contract*) dan disabitkan kesalahan.

### 3. LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES (LAD)

- 3.1.1 Penyebutharga hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada pihak Kerajaan bagi sebarang kelewatan yang dihadapi dengan penjelasan yang sewajarnya. *Perkiraan dan penetapan amaun denda ganti rugi bagi sesuatu projek hendaklah berdasarkan formula seperti dibawah ini.*

Peratus LAD = (PR/ Setahun)/ 365 hari

- a. Dimana: PR/ setahun = 'Prime Rate' yang dikeluarkan dari mana-mana bank perdagangan

### 4. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 4.1 Kerja-kerja dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebutharga dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- 4.2 Kerja-kerja yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 4.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh :
  - i) Suruhanjaya Tenaga
  - ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
  - iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
  - iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
  - v) Pihak Berkuasa Tempatan

### 5. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas (7) hari dari tarikh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

## 6. SUB SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan kerja kepada Kontraktor-kontraktor yang lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah Indent Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

## 7. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Tiada penggantian untuk peralatan, bahn dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

## 8. RINGKASAN SEBUTHARGA

- 8.1 Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.
- 8.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sempurnanya.
- 8.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan samada dalam tempoh sah Sebutharga atau dalam tempoh kerja.
- 8.4 Harga-harga dalam ringkasan Sebutharga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 8.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebutharga menurut perenggan 8.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tetap tidak berubah.
- 8.6 Sekiranya sebutharga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan hargasebut harga diselaraskan.

## 9. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUTHARGA

9.1 Dokumen Sebutharga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebutharga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen Sebutharga.

9.2 Jika kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

## 9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Indent berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden.

- a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Indent tanpa apa-apa alasan yang munasabah;
- e) Apabila Kontraktor diistiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

## 10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

## 11. KERJA PERUBAHAN

11.1. Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan Sebutharga ini.

11.2. Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai inden dan kontraktor hendaklah digunakan.



## **12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)**

- 12.1. Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikil dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 12.2. Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas Kontraktor sendiri.
- 12.3. Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat khidmat Kontraktor (PKK) untuk penggantungan pendaftaran Kontraktor dan/atau merampas Bon Pelaksanaan serta menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri. Bagi kerja-kerja elektrikil/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

## **13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

## **14. PERAKUAN SIAP KERJA**

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

## **15. PERAKUAN SIAP MEMBAIKI KECACATAN**

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

## **16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

**BORANG SEBUTHARGA**

(Kew. 284-Pin. 2/94)

Lampiran Q

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebutharga Bil. MDKL/JL/SH.1/2017

KERAJAAN MALAYSIA  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)  
NEGERI SELANGOR

TENDER UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN


Kepada (Nama Syarikat) .....  
.....  
No. Telefon.....  
No. Pendaftaran dengan Sijil Perolehan Kerja  
Kerajaan (SPKK).  
Kod Bidang Pendaftaran yang relevan  
dengan pembelian ini **Gred G1**  
**Kategori : CE**  
**Pengkhususan : CE 14**

Pelawaan Tender dikeluarkan oleh  
Jabatan (Alamat Lengkap)  
**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**  
**42700 Banting, Selangor**  
No. Telefon **03-3187 2825**  
Tarikh: **25 April 2017**

1. Sila beri tender untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
  - 1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan **seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa.**
  - 1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan **dikehendaki seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa.**
  - 1.3 Arahan Pengirim **dalam keadaan baik dan memuaskan.**
  - 1.4 Tender hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan bertanda "No. Sebutharga MDKL/JL/SH.1/2017"
  - 1.5 Tender hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengahari **2 Mei 2016.**
  - 1.5 Tempoh sahlaku tender hendaklah **sembilan puluh (90)** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: **25 April 2017**

Tandatangan.....



Nama Pegawai ..... **MAZLAN BIN ABDUL MANAP..**  
Pegarah  
Jawatan ..... **Jabatan Landak**  
Majlis Daerah .....

Bil	Perihal barang-barang/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Jumlah dari ringkasan harga
	<b>KERJA-KERJA CANTASAN DAN PEMOTONGAN POKOK DI JALAN KIAMBANG 12, TAMAN GEMBIRA DAN JALAN BUNGA PEKAN 2, JALAN BUNGA PEKAN 6, TAMAN SERI BANTING, KUALA LANGAT</b>	
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	
<p>Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan ditawarkan.....</p> <p><b>*sila sertakan sesalinan Sijil Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan/perkhidmatan), Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan/perkhidmatan) dan UPEN yang masih sah</b></p>		

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih;

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan  
 Penyebutharga.....  
 Nama dan K/P.....  
 Alamat  
 Syarikat.....  
 .....

Tarikh.....

**BORANG MAKLUMAT PENYEBUT HARGA**

## BORANG A – SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KEESAHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUT HARGA

Nama Kontraktor: .....

Alamat : .....

.....

.....

Kepada,

Ketua Jabatan,

.....

.....

Jalan Sultan Alam Shah,  
42700 Banting, Selangor

(Pihak yang akan menilai Sebut Harga)

Tuan,

### Maklumat Latar Belakang, Kewangan dan Teknikal Penyebut harga

1. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Penyebut harga termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara di atas bersama-sama dokumen sebut harga kami semasa mengemukakan Sebut harga ini untuk membolehkan Jabatan menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang disebut harga, semasa penilaian Sebut Harga.
2. Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Sebut Harga ini akan mengambilkira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang disebut harga. Justeru itu sebut harga kami akan hanya dipertimbang untuk diperakukan kepada Lembaga Sebut Harga untuk disetujuterima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang disebut harga, mengikut penilaian Jabatan berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendakki mengemukakan semua maklumat dan dokumen-dokumen yang diminta bersama-sama sebut harga kami sebelum Sebut Harga ditutup dan maklumat-maklumat atau dokumen-dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambilkira dalam penilaian keupayaan kami.
4. Kami mengaku bahawa maklumat-maklumat dan data-data yang kami berikan bersama-sama ini di Borang B, C, CA, D, E, F, G & GA dan dokumen-dokumen yang kami sertakan bersamanya setahu kami adalah semuanya benar dan sah pada semua segi dan kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh Majlis terhadap kami dan/atau sebut harga kami, sekiranya mana-mana maklumat, data-data dan dokumen yang kami berikan itu didapati tidak benar atau palsu.

5. Kami juga mengambil maklum dan sedar bahawa Sebut Harga kami akan ditolak (disqualified) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan bersama-sama ini mana-mana maklumat dan/atau menyertakan mana-mana dokumen penting yang sangat diperlukan untuk membolehkan Jabatan menilai keupayaan kami, terutamanya dokumen-dokumen berhubung dengan kedudukan kewangan dan prestasi kerja semasa kami seperti berikut:
- (a) Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juru Audit yang bertauliah, bagi dua (2) tahun kewangan terakhir.
  - (b) Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai Wang Dalam Tangan penyebut harga bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Sebut Harga.
  - (c) Laporan Penyelia Projek atas prestasi kerja semasa yang bukan projek Jabatan atas Borang GA, dalam satu sampul berlakri bagi setiap kerja semasa yang sedang dilaksanakan.
6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana pegawai Majlis, jurutera-jurutera projek, bank dan institusi kewangan lain dan lain-lain atau mana-mana orang atau firma yang berkenaan untuk memberikan maklumat-maklumat yang dianggap perlu dan diminta oleh Jabatan untuk menyemak maklumat-maklumat yang kami berikan atau untuk mendapatkan maklumat tambahan. Kami mengambil maklum bahawa pihak Jabatan juga boleh merujuk apa-apa maklumat yang kami kemukakan dengan mana-mana pihak termasuk Jabatan Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun kami tetap bertanggungjawab di atas maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami berikan bersama-sama ini.

Yang Benar,

.....  
(Tandatangan Penyebut Harga)

Tarikh : .....

Nama Penuh: .....  
No. Kad Pengenalan .....

Atas Sifat .....  
Yang diberi kuasa dengan sepenuhnya untuk  
menandatangani Sebut Harga ini untuk dan bagi pihak:

.....  
(Meteri atau Cap Penyebut Harga)

Saksi: .....

Tarikh : .....

Nama Penuh: .....  
No. Kad Pengenalan .....  
Pekerjaan .....  
Alamat .....

## BORANG B – MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA

1. Nama: .....
2. Alamat: .....  
.....  
.....  
No. Telefon: ..... No. Fax: .....
3. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) (Sertakan Salinan Pendaftaran)
  - (a) No. Pendaftaran: .....
  - (b) Tarikh daftar: ..... Sah hingga: .....
  - (c) Kod bidang: .....  
.....
  - (d) Taraf (Bumiputera/Bukan Bumiputera): .....
  - (e) Jika Bumiputera, tempoh sah taraf : Dari ..... hingga .....
4. Bagi Syarikat Sdn Bhd. nyatakan:
  - (a) Modal dibenarkan : RM.....
  - (b) Modal dibayar : RM.....
5. Perniagaan Utama lain, jika ada :
  - (a) ..... sejak .....
  - (b) ..... sejak .....
6. Ahli-ahli Syarikat
  - (a) Ahli-ahli Lembaga Pengarah

Nama	Jawatan	Saham Modal Dipegang



(a) Ahli-ahli Lembaga Pengarah (Samb.)

Nama	Jawatan	Saham Modal Dipegang

(b) Ahli-ahli Pengurusan

Nama	Jawatan	Kelulusan Akademik/Iktisas

## BORANG C – DATA-DATA KEWANGAN

- A. Ringkasan harta dan liabiliti seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan (Balance Sheet)\* yang diaudit bagi tahun kewangan terakhir.

Asset * (A)	Liabiliti * (B)	Nilai Kewangan (Worth) (A - B)
Semasa: RM Tetap : RM  Jumlah : RM	Semasa: RM Tetap : RM  Jumlah : RM	Modal Pusingan : RM  Modal Tetap : RM  'Nett Worth' : RM

- B. Akaun Wang Ditangan (Cash in Hand)\*\*

1. Nama dan Alamat Bank di mana akaun dibuka:  
.....  
.....
2. Nombor Akaun: .....

- C. Kemudahan kredit dalam bentuk mudah cair (jika ada)+

1. Nama dan Alamat bank/ Institusi Kewangan yang memberi Kemudahan kredit:  
.....  
.....
2. Bentuk dan baki amaun kemudahan kredit dalam bentuk mudah cair yang boleh digunakan untuk projek pembinaan.
 

(i)	Overdraf atau Talian Kredit	:	RM
(ii)	Overdraf bercagar	:	RM
(iii)	Pinjaman Tetap yang akan/layak diperolehi untuk projek	:	RM
(iv)	Surat Jaminan Kredit (Letter of Credit (LC))	:	RM
(v)	.....	:	RM ----- RM

Peringatan penting

- \* Sila sertakan salinan Akaun Syarikat bagi dua (2) tahun kewangan terakhir, yang disahkan dan diaudit ole Juru Audit bertauliah (certified Accountant) atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya bagi meyokong data-data yang diberi. Tender yang tidak disertakan dengan Akaun ini akan ditolak.
- \*\* Sila sertakan salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Tender. Tender yang tidak disertakan dengan penyata ini akan ditolak.
- + Sila dapat dan sertakan Laporan sulit daripada pihak Bank/Institusi Kewangan atas format seperti Borang CA, dalam satu sampul berlakri.

## SULIT

### **BORANG CA – LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUT HARGA**

(Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh pihak bank atau institusi kewangan lain dan diserahkan kepada peyeebut harga dalam satu sampul berlakri untuk disertakan bersama-sama sebut harganya sekiranya penyebut harga mempunyai kemudahan kredit dalam bentuk mudah cair dengan Bank/Institusi Kewangan yang berkenaan)

Kepada: .....

.....

.....

.....

.....

.....

Nama Penyebut harga: .....

Projek: Sebut harga untuk .....

- (A) Kemudahan Kredit Dalam Bentuk Mudah Cair yang boleh digunakan untuk pelaksanaan Projek : Kemudahan Kredit yang telah diluluskan dan kemudahan kredit tambahan minimum yang layak diperolehi oleh penyebut harga adalah seperti berikut:

Bentuk Kemudahan Kredit	BAKI dpd yang telah diluluskan	Tambahan Minimum yang akan diluluskan*	Jumlah
(i) Overdraf	RM	RM	RM
